

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [TUMPAT]

TARIKH : 2 DISEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [TUMPAT] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan cadangan meningkatkan hukuman dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan Kanun Keseksaan (Akta 574) bagi kesalahan-kesalahan menghina raja-raja, agama Islam, mencetuskan api perkauman dan sebagainya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sedang mengkaji pindaan kepada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] di mana pendekatan secara menyeluruh akan mengambil kira semua peruntukan undang-undang sedia ada, juga memastikan sebarang hukuman adalah efektif dan tiada unsur penganiayaan.

2. Secara umumnya, sebarang peningkatan atau pengurangan hukuman di bawah mana-mana peruntukan termasuk seksyen 233 Akta 588, adalah tertakluk kepada budi bicara dan kelulusan pihak Jabatan Peguam Negara. Pindaan kepada seksyen 233 Akta 588 ini hanya akan dibuat selepas kajian ini telah selesai dan pindaan kepada Kanun Keseksaan dimuktamadkan.